

**Terma-terma dan Syarat-syarat
Kempen "CIMB World Mastercard 1.5% Unlimited Cash Rebate on Overseas Spend"**

1. Kempen "CIMB World Mastercard 1.5% Unlimited Cash Rebate on Overseas Spend" ("Kempen") adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [Registration No: 197201001799 (13491-P)] ("CIMB" atau "the Bank").

Tempoh Kempen

2. Kempen ini akan berlangsung dari 1 April 2021 – 31 Mac 2022 (termasuk kedua-dua tarikh) ("Tempoh Kempen").
3. CIMB menyimpan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang kad utama dan tambahan yang memegang dan berbelanja dengan Kad Kredit CIMB World Mastercard ("Kad") semasa Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta Layak").

Transaksi Kelayakan

5. "Perbelanjaan Luar Negara" bermaksud pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau di bawah Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC)*. Untuk mengelakkan keraguan, transaksi-transaksi berikut juga dikecualikan secara nyata di sini dan tidak akan dianggap sebagai Perbelanjaan Luar Negara:
 - i) Transaksi Berkaitan Dengan Syarikat Penerbangan (Kod Kategori Pedagang: 3000 – 3350 dan 4511);
 - ii) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai;
 - iii) Transaksi Tunai Kuasi – (contoh: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
 - iv) Transaksi runcit berkaitan dengan pembelian petrol, diesel dan apa-apa pembelian lain yang dibuat di kiosk petrol;
 - v) Transaksi perbelanjaan runcit luar Negara yang kemudiannya dibatalkan atau dibayar balik, dipertikaikan, tanpa kebenaran atau melalui penipuan;
 - vi) Pembayaran fi tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj penipuan, caj faedah/kewangan, fi pendahuluan tunai, fi pemprosesan, atau apa-apa fi dan/atau penalti lain sama ada dikenakan oleh CIMB atau selainya;
 - vii) Transaksi pelan bayaran ansurans;
 - viii) Transaksi pembayaran berulang;
 - ix) Pembayaran kepada badan amal di bawah Kod Kategori Pedagang (MCC) yang ditetapkan 8398 - Perbadanan amal dan organisasi perkhidmatan sosial; dan
 - x) Sebarang pembayaran berkaitan dengan kerajaan di bawah MCC yang ditetapkan di bawah:-

9211	Kos mahkamah, termasuk nafkah cerai dan nafkah
9222	Denda
9223	Ikatan jaminan dan pembayaran bon
9311	Pembayaran cukai
9399	Perkhidmatan kerajaan

9402	Perkhidmatan pos - kerajaan sahaja
9405	Pembelian Antara Kerajaan - Kerajaan sahaja

6. Apa-apa penentuan oleh CIMB berkenaan dengan apa yang merupakan Perbelanjaan Luar Negara hendaklah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun, melainkan kesilapan yang nyata.
7. **“1.5% Rebat Tunai Tanpa Had”** (“Rebat Tunai”) bermaksud rebat tunai yang diberikan kepada Peserta Layak untuk Perbelanjaan Luar Negara yang dibuat dengan Kad.
8. **“Luar Negara”** merujuk kepada perbelanjaan runcit yang dibuat dalam mata wang selain daripada Ringgit Malaysia (RM) atau di bawah Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC)*, tertakluk kepada klausa 5.

Nota*: Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC) adalah perkhidmatan yang ditawarkan oleh pedagang luar negara tertentu untuk memberi pilihan untuk membayar dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian dalam talian) untuk pembelian luar negara.
9. Pengesanan Perbelanjaan Luar Negara adalah berdasarkan pada tarikh dan/atau masa pengeposan (waktu Malaysia) seperti yang ditangkap dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
10. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Perbelanjaan Luar Negara oleh Mastercard, tempat pedagang dan/atau mana-mana pihak lain melainkan ia adalah disebabkan oleh keingkaran sengaja atau kecuaiannya melampaui CIMB.

Kriteria Penyertaan

11. Tiada pendaftaran diperlukan untuk menyertai Kempen ini.
12. Semasa Tempoh Kempen, Peserta Layak akan mendapat 1.5% Rebat Tunai Tanpa Had daripada Perbelanjaan Luar Negara yang dikenakan ke atas Kad dan akan dicerminkan dalam penyata bulan berikutnya.
13. Tiada perbelanjaan minimum diperlukan untuk menyertai Kempen ini.

Pemenuhan Rebat Tunai

14. Semua Rebat Tunai yang diperolehi oleh Peserta Layak untuk penyata bulan semasa akan dikira (dibulatkan ke bawah kepada Ringgit Malaysia terdekat) sehingga tarikh penyata bagi bulan semasa tersebut dan akan diposkan ke akaun Kad Peserta Layak pada tarikh penyata bulan berikutnya. Jika mana-mana transaksi dipertikaikan atau dikatakan penipuan, Rebat Tunai yang diperolehi atas transaksi tersebut boleh ditarik balik atau dibatalkan oleh CIMB atas budi bicara tunggal dan mutlak.
15. Rebat Tunai yang diperolehi oleh Peserta Layak untuk setiap bulan semasa tidak akan diposkan ke akaun Kad Peserta Layak dalam tarikh penyata bulan berikutnya sekiranya Peserta Layak gagal membuat pembayaran minimum yang perlu dibayar sebelum Tarikh Matang seperti yang dinyatakan dalam penyata bulan semasa.

Terma-terma dan Syarat-syarat Umum

16. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap telah:
- i) membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
 - ii) memberi persetujuan kepada CIMB Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di www.cimb.com.my;
 - iii) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Rebat Tunai yang diberikan dan penentuan Peserta yang Layak, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif; dan
 - iv) bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya di sini, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh sebab:
 - a. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
 - b. kegagalan elektrik;
 - c. pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
 - d. apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB Bank; atau
 - e. akibat daripada apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
17. Peserta yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Rebat Tunai akan ditarik balik sekiranya, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Rebat Tunai:
- i) Kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak telah melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
 - ii) Kad Kredit Yang Layak telah ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang; atau
 - iii) Kad Kredit Yang Layak adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta yang Layak atau CIMB Bank.
18. CIMB Bank menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang Layak yang ia tentukan:
- i) mengganggu proses penyertaan; dan/atau
 - ii) bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
19. CIMB Bank menyimpan hak untuk:
- i) menggantikan Rebat Tunai dengan mana-mana barangan yang mempunyai kos setara; dan/atau
 - ii) melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui:
 - i) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank; dan/atau
 - ii) cawangan-cawangan CIMB Bank; dan/atau
 - iii) melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank.

Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Peserta yang Layak atau mana-mana jua orang lain kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank bagi apa-apa kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen ini.

20. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) yang timbul daripada:

- i) penyertaan atau bukan penyertaan Peserta yang Layak di dalam Kempen ini; dan/atau
- ii) kegagalan untuk menerima atau kelewatan dalam menerima Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") oleh Peserta yang Layak

melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau dan keingkaran sengaja CIMB Bank.

21. a) CIMB Bank menyimpan hak untuk meminda (sama ada penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau apa-apa jua) ("**Pindaan**") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di sini dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta yang Layak melalui:

- i) paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank; dan/atau
- ii) cawangan-cawangan CIMB Bank; dan/atau
- iii) melalui iklan mengenai Pindaan dalam satu surat khabar pilihan CIMB Bank; dan/atau
- iv) melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank.

b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta yang Layak dari tarikh notifikasi tersebut atau dari tarikh lain seperti yang boleh dinyatakan oleh CIMB Bank dalam notifikasi.

c) Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

22. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta yang Layak bagi sebarang kerugian atau kehilangan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung hasil daripada Pindaan.

23. Peserta yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memelihara CIMB Bank dari menanggung apa-apa bayaran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB Bank disebabkan oleh:

- i) penyertaan Peserta yang Layak dalam Kempen; dan/atau
- ii) penerimaan, penebusan atau penggunaan Rebat Tunai oleh Peserta yang Layak.

24. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- i) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini; dan

- ii) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit yang Layak semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
25. Terma-terma dan Syarat-syarat ini tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis panduan, arahan, notis, peraturan semasa yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana perbadanan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB Bank berhubung dengan atau yang terpakai bagi Kempen atau apa-apa perkara yang terkandung di sini.
26. a) Peserta yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen melalui alamat, nombor telefon dan e-mel:
Alamat: CIMB Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan.
Nombor Telefon: +603-6204 7788
Alamat E-mel: cru@cimb.com.
- b) CIMB Bank boleh mengubah butir-butir perhubungan di atas dengan memberitahu Peserta yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB Bank atau dengan sebarang cara pemberitahuan lain yang ditentukan oleh CIMB Bank.